

NO. SOALAN: 103

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

SOALAN NO. 103

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar lepasan Matrikulasi yang membuat permohonan ke IPTA, bilangan pelajar lepasan Matrikulasi yang ditawarkan masuk ke IPTA dan bilangan pelajar lepasan Matrikulasi yang ditawarkan dengan pilihan pertama mereka dari tahun 1990 ke 2018, mengikut pecahan setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas kemasukan ke Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon.

Kejayaan calon untuk memperoleh tempat juga bergantung kepada susunan merit dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA selain kecemerlangan dalam ujian khas dan proses temu duga yang dilaksanakan di IPTA bagi program pengajian yang memerlukan kompetensi bagi

NO. SOALAN: 103

memastikan IPTA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi keperluan program pengajian berkaitan. Strategi dan kebijaksanaan calon dalam membuat pemilihan program pengajian dan institusi dalam borang permohonan UPUOnline juga memainkan peranan dalam menentukan kejayaan walaupun pencapaian akademik di tahap sederhana.

Kementerian Pendidikan telah menyelaras sebanyak 21,808 permohonan calon lepasan Matrikulasi (purata bagi tempoh lima tahun) dari Sidang Akademik 2014/2015 sehingga Sidang Akademik 2018/2019 bagi kemasukan ke peringkat Ijazah Pertama. Jumlah permohonan calon lepasan Matrikulasi ke IPTA pada Sidang Akademik 2014/15 adalah sebanyak 24,288 berbanding 20,906 calon pada Sidang Akademik 2018/2019, pengurangan sebanyak 3,382(14%). Dari segi penawaran tempat pengajian di IPTA dari kalangan calon lepasan Matrikulasi juga berlaku sedikit pengurangan sebanyak 2,053(9%). Penawaran adalah tertakluk kepada bilangan tempat yang disediakan oleh Universiti. Purata penawaran bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak 20,055 (92 %). Dari segi jumlah calon yang ditawarkan tempat pula, didapati 5,436 (25 %) berjaya ditawarkan program pengajian dipilihan pertama.

RT10/103